

**LAPORAN SIDANG
MEJA BULAT
INDUSTRI PADI DAN BERAS NEGARA**

**“BANTU PETANI,
PERKEMAS INDUSTRI,
PERKASA EKONOMI.”**



Majlis Tindakan Ekonomi Melayu Bersatu Berhad (MTEM) merupakan sebuah Syarikat Berhad Menurut Jaminan (CLBG) yang telah diperbadankan pada 21 September 2011. MTEM yang beribu pejabat di Bangsar, Kuala Lumpur, sehingga kini memayungi 55 badan bukan kerajaan (NGO) ekonomi Melayu di peringkat nasional dan 220 NGO di peringkat negeri.

Dalam usaha ke arah agenda transformasi ekonomi Melayu, MTEM memainkan peranan yang amat penting terutamanya dalam objektif yang dirangka jelas dari segi polisi dan inisiatif dalam membangun kualiti hidup dan penyertaan masyarakat Melayu dalam ekonomi. Selain itu, MTEM turut berperanan mewakili masyarakat Melayu dalam hal hal lain berkaitan ekonomi serta mengerakkan usaha dalam mengurangkan jurang dan mengembangkan ekonomi Melayu secara menyeluruh.

LAPORAN SIDANG MEJA BULAT INDUSTRI PADI DAN BERAS NEGARA.



Barisan hadirin yang menghadiri sidang meja bulat industri padi dan beras negara.

ISI KANDUNGAN

TOPIK	MUKA SURAT
Ringkasan Eksekutif	1
MENGENAI MTEM	2
KAD LAPORAN SIDANG MEJA BULAT	3
LAPORAN PROGRAM	
Perasmian oleh YBhg Dato Sri Haji Mohd Shukri Abdull Timbalan Pesuruhjaya SPRM : 10 Intipati Utama	4
Forum “Bantu Petani, Perkemas Industri , Perkasa Ekonomi”	5
LAPORAN SESI MEJA BULAT	
Kumpulan 1: Polisi dan Dasar	11
Kumpulan 2: Pencegahan, Pelaksanaan, Penguatkuasa dan Pemantauan	12
Kumpulan 3: Rantaian Pembekalan	13
Kumpulan 4: Pengguna, Petani dan Badan Bukan Kerajaan (NGO)	15
RUMUSAN AKHIR : 10 Resolusi Utama	17
LAMPIRAN	19
Ringkasan Fakta	20
Galeri Gambar	27
Penghargaan	31

RINGKASAN EKSEKUTIF

"BANTU PETANI, PERKEMAS INDUSTRI, PERKASA EKONOMI"

Dasar Jaminan Keselamatan Makanan Kebangsaan dan beberapa polisi dasar serta inisiatif yang dilaksanakan bagi memastikan bekalan makanan asasi dalam negara adalah terjamin dan selamat. Walau bagaimanapun, disebalik usaha-usaha tersebut beberapa sumber makanan penting masih belum mencukupi sehingga terpaksa diimport pada jumlah yang besar. Keadaan ini menjadi tidak mapan, khususnya apabila negara berdepan masalah kenaikan kos sara hidup, penyusutan nilai matawang, bencana banjir. Ditambah pula dengan penguatkuasaan yang kurang berkesan serta amalan monopoli dan alibaba, menyebabkan salah satu daripada sumber makanan asasi negara iaitu beras menerima kesan yang besar. Akhir sekali, isu rasuah dan sabotaj ekonomi juga merupakan antara cabaran besar industri yang mengakibatkan ratusan ribu petani yang majoritinya berbangsa Melayu terjejas teruk.

Persoalannya ialah, adakah sasaran 2020 untuk mencapai Negara berpendapatan tinggi ini realistik? Ke mana arah Industri Padi dan Beras Negara? Situasi makro ekonomi menunjukkan jurang ekonomi semakin melebar. Unjuran menganggarkan jurang ini terus melebar pada 2020. Malah, kalau kita lihat sejarah peratusan kadar saradiri komoditi makanan beras sejak tahun 2006 sehingga 2013 merujuk kepada Buku Perangkaan Agromakanan 2013, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, unjuran mendapati sekiranya kenaikan peratusannya pada tahun itu dijadikan tanda aras atau 'benchmark' untuk tahun-tahun akan datang, kita hanya mampu mencapai 100% sara diri untuk beras pada tahun 2056.

Oleh yang demikian, tindakan segera perlu diambil yang mana majoriti pemain industri adalah petani dan berpendapatan rendah. Penyelesaiannya ialah, pengagihan kekayaan diselesaikan dan mengangkat kumpulan




petani daripada golongan yang berpendapatan rendah kepada yang lebih tinggi dan ini secara tidak langsung membantu Negara mencapai status Negara berpendapatan tinggi. Kita tidak mahu ada kelompok yang ketinggalan dalam ekonomi kita jadi dalam industri pertanian usaha tranformasi yang progresif harus dilaksanakan.

Sidang Meja Bulat telah dibahagikan kepada dua sesi utama iaitu Forum bagi mengupas industri ini dari sudut pandang yang pelbagai dan sesi meja bulat yang bertujuan mendapatkan input daripada pelbagai pihak.

Sidang Meja Bulat Industri Padi dan Beras ini dianggap amat berjaya dengan penglibatan dan kerjasama pelbagai pihak iaitu agensi kerajaan, NGO, akademik, pemain industri dan petani. Sidang ini sepakat mencapai 10 resolusi utama yang merupakan antara cadangan dan input bagi "Bantu Petani, Perkemas Industri Dan Perkasa Ekonomi".

MOHD NIZAM MAHSHAR
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF, MTEM

MENGENAI MTEM



Majlis Tindakan Ekonomi Melayu Bersatu Berhad (MTEM) merupakan sebuah Syarikat Berhad Menurut Jaminan (CLBG) yang telah diperbadankan pada 21 September 2011. Pelancarannya telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Najib bin Tun Razak Perdana Menteri Malaysia yang ke-enam. MTEM ditubuhkan untuk menyatukan NGO-NGO ekonomi Melayu dalam satu wadah transformasi.

Dalam usaha ke arah agenda transformasi ekonomi Melayu, MTEM memainkan peranan yang amat penting terutamanya dalam objektif yang dirangka jelas dari segi polisi dan inisiatif dalam membangun kualiti hidup dan penyertaan masyarakat Melayu dalam ekonomi. Selain itu, MTEM turut berperanan mewakili masyarakat Melayu dalam hal hal lain berkaitan ekonomi serta mengerakkan usaha dalam mengurangkan jurang dan mengembangkan ekonomi Melayu secara menyeluruh.

MTEM mengamalkan sistem urustadbir yang telus dan berintegriti dalam struktur Lembaga Pemegang Amanah yang berprinsipkan kepada satu badan, satu suara dan satu undi. Digerakkan oleh sekretariat profesional, MTEM terus berjuang memacu ke hadapan untuk memastikan setiap perancangan dapat direalisasikan.

Dalam menjayakan agenda nasional, penting untuk memastikan halatuju MTEM selari dengan aspirasi ekonomi negara. Justeru, strategi dan inisiatif MTEM dirangka khusus bagi

memperkukuhkan ekonomi usahawan Melayu; merangkumi aspek penyampaian informasi, penyediaan peluang perniagaan, jaringan perniagaan dan perhubungan yang meluas.

MTEM sebuah payung organisasi NGO Ekonomi Melayu dengan keanggotaan
55 NGO Nasional
220 bersekutu/ negeri
4 wilayah iaitu utara, selatan, timur dan tengah
12 G-Kolektif


Platform nasional yang ditubuhkan ini merupakan kali pertama seumpamanya mewakili lebih 500,000 usahawan Melayu

Objektif:
Ditubuhkan atas dasar menyatupadukan NGO-NGO ekonomi Melayu; dan
Mengerakkan usaha-usaha mengurangkan jurang dan mengembangkan ekonomi Melayu serta mendokong perjuangan agenda Melayu

Misi & Visi: 1 badan 100 organisasi 1,000,000 usahawan

KAD LAPORAN SIDANG MEJA BULAT

PERKARA	SASARAN	PENCAPAIAN
Objektif dan Matlamat	<p>Sidang Meja Bulat Industri Padi dan Beras Negara anjuran MTEM ini bertujuan untuk :</p> <ul style="list-style-type: none"> • memahami isu dan merangka solusi berkenaan isu dalam industri padi dan beras negara. • menyediakan platform bagi pemain industri dan pengguna dalam rantai industri padi dan beras bagi diperkemas dan diperkasa secara menyeluruh • membahaskan hasil kerja penyelidik MTEM • mendapatkan input pemain industri dan pembuat dasar secara menyeluruh dalam hal padi dan beras • lanskap baru industri padi dan beras Negara 	<ol style="list-style-type: none"> 10 resolusi dihasilkan pada Sidang Meja Bulat ini. Kerjasama dengan pihak berkepentingan dan pemain-pemain industri yang terlibat Gerak kerja seterusnya dalam "Bantu Petani, Perkemas Industri dan Perkasa Ekonomi" Data-data daripada penyelidikan MTEM berjaya ditentukan sahkan dan sebahagian besar isu yang dibangkitkan diakui oleh agensi dan pemain-pemain industri.
Sasaran kehadiran	Kehadiran 75 peserta yang meliputi pelbagai organisasi seperti agensi kerajaan, NGO, akademik, pemain industri dan petani.	Kehadiran keseluruhan adalah seramai 72 individu yang meliputi agensi kerajaan, NGO, akademik, pemain industri dan petani.



LAPORAN ISI KANDUNGAN PROGRAM

10 Intipati Utama : Perasmian oleh YBhg Dato Sri Haji Mohd Shukri Abdull Timbalan Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia SPRM

"Sejak kebelakangan ini, tuan tuan dan puan puan, isu beras dan padi terutamanya ST15 ini banyak diperkatakan ketidakpuasan hati dan saya rasa sidang meja bulat ini diadakan tepat pada masanya bersesuaian dengan isu yang dibangkitkan."

"Isu untuk mendapatkan ST15 ini adalah satu perkara yang menyedihkan. Asalnya yang menanam padi itu adalah golongan petani. Kalau dilihat kitarannya amat cantik tetapi baliknya kepada petani adalah tidak setimpal dengan apa yang layak diperolehi."

"Dia mempunyai dua cara untuk mendapatkan keuntungan, pertama adalah dengan penipuan mencampurkan beras dengan beras hancur. Kedua adalah dengan menjual beras tersebut pada harga yang lebih tinggi. Sekiranya harga yang patut dijual adalah RM16 untuk 10 kilogram, dia akan menjual pada RM22 untuk 10 Kilogram."

"Sebelum 2013 tidak ada satu peraturan diwujudkan untuk pembahagian kuota. Apabila SPRM datang tahun 2013 dengan penyelidikan, SOP untuk pembahagian kuota diwujudkan. Isunya sekarang adalah adakah pelaksanaan SOP itu dijalankan?"

"Industri beras ini wujud dari zaman dahulu lagi, iaitu bermula dari sebelum kelahiran kita. Ke manakah perginya slogan kata pertanian adalah perniagaan? Sekiranya pertanian adalah perniagaan, industri beras dan padi ini lah yang harus kita dahulukan kerana ia merupakan asal usul kita dari dahulu."

"Bukannya senang sekiranya hanya nak mengharapkan SPRM untuk menyiasat kes-kes sebegini. Saya telah menghantar 20 orang pegawai saya ke Kedah untuk menanyakan kepada pemborong tetapi tidak ada seorang pun yang mengaku. Takkan kita hendak menggunakan kekerasan untuk memaksa mereka untuk mengaku?"



"Cara atau kaedah terbaik adalah dengan kaedah kawalan, pemantauan supaya apa yang kita rancang, SOP yang kita buat betul-betul dilaksanakan. Apa yang penting adalah pemantauan dan kita mengikut SOP tersebut."

Bila menyertai sidang meja bulat nanti, sila buang kepentingan diri, fikir orang kampung, orang kita, ibubapa kita yang memerlukan bantuan. Put a stop. Isu ini telah terlalu lama dan lapuk. Kita harus mendapatkan solusi yang menyeluruh agar subsidi ini benar benar sampai kepada rakyat"

" Niat kerajaan adalah baik iaitu untuk memberi subsidi kepada rakyat tetapi niat itu tidak terlaksana . "

"Saya benar-benar berharap hari ini kita dapat menggunakan platform ini dan MTEM sebagai tunggak utama (Anchor) dan wakil wakil dari pengilang, pemborong dan petani dapat memberikan penyelesaian yang kukuh untuk kita sama-sama menerima nikmat terutama kepada golongan yang patut menerima nikmat ini."

FORUM
BANTU
PETANI,
PERKEMAS
INDUSTRI
DAN
PERKASA
EKONOMI



LAPORAN ISI KANDUNGAN PROGRAM

Forum "Bantu Petani, Perkemas Industri dan Perkasa Ekonomi"



PANEL 1:
En. Shamsuddin Ismail
Ketua Pengarah Pengawalan Padi
dan Beras, Seksyen Kawalselia Padi
dan Beras,
Kementerian Pertanian dan Industri
Asas Tani (MOA)

BERNAS

1. Pemberian monopoli kepada BERNAS dari satu sudut adalah suatu tindakan bijak oleh kerajaan kerana ia melibatkan isu jaminan keselamatan makanan negara. BERNAS diberi tanggungjawab untuk melindungi industri secara keseluruhan dan dalam masa yang sama membantu pengilang dan pemborong bumiputera.
2. Kongsesi perjanjian yang diberi pada BERNAS telah tamat pada tahun 2012 kemudian disambung setahun pada tahun 2013 dan pada tahun 2014 disambung lagi sehingga tahun 2021. MOA sedang mempertimbangkan sama ada untuk melanjutkan tempoh tersebut atau mencari alternatif lain dalam menggantikan fungsi BERNAS.
3. BERNAS sebenarnya memang ada membangunkan pengilang-pengilang bumiputera namun tidak dapat dinafikan tetap berlaku ketirisan dalam usaha tersebut.

TAHAP SARA DIRI NEGARA (SSL)

1. KPI MOA pada tahun 2020 adalah 100% tahap sara diri Negara (SSL) dalam industri padi dan beras.
2. Walaupun kerajaan telah memberi insentif sebanyak RM2.2 billion setiap tahun untuk industri padi dan beras namun pendapatan petani masih lagi RM1600 iaitu tergolong dalam mereka yang berpendapatan rendah.
3. Usaha MOA dalam mencapai 100% SSL termasuklah mewujudkan dan memperkemaskan sistem pengurusan 'mini estate' di kawasan pertanian, mewujudkan kawasan-kawasan bersepadu seperti IADA, melaksanakan program di bawah rantai nilai daripada petani sehinggalah ke pengguna.
4. Sebanyak empat lagi IADA telah diwujudkan menjadikan jumlah keseluruhan IADA sebanyak 10 buah.

KAWAL SELIA

1. Masalah penyedia perkhidmatan (jentera, racun, baja dan benih) cuba diatasi dengan memberi peruntukan kepada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (PPK) untuk membeli mesin dan sebagainya dengan harapan masalah orang tengah dapat diselesaikan.
2. Dalam isu penyelewengan beras ST15, ianya isu yang berat untuk ditangani namun ada pihak-pihak yang datang membantu. Sebenarnya hal ini terletak dalam pemantauan Unit Kawal Selia Padi dan Beras. Terdapat 170 orang pegawai kawal selia yang memantau industri beras dan padi ini diseluruh negara. Memang ada kelemahan namun ianya akan dibaiki dari semasa ke semasa.



LAPORAN ISI KANDUNGAN PROGRAM

Forum “Bantu Petani, Perkemas Industri dan Perkasa Ekonomi”



PANEL 2:
Dr. Hanif Ahamat
Felo, Majlis Tindakan Ekonomi
Melayu (MTEM)

BERNAS DAN AKTA PERSAINGAN

1. Bernas dikatakan mempunyai isu monopoli dan kartel.
2. Kartel adalah satu perjanjian atau pakatan yang formal dan tidak formal dalam menetapkan harga jualan, mengawal sumber dan lain-lain hal yang berkaitan. Ianya tidak dibenarkan mengikut Akta Persaingan 2010.
3. Namun dalam industri padi terdapat pengecualian kerana ianya melibatkan risiko yang tinggi dalam hal jaminan makanan negara.
4. Dalam hal seperti BERNAS yang telah mendapat hak monopoli melalui peruntukan undang-undang, monopoli tidak salah menurut Akta Persaingan namun mereka yang menggunakan kuasa dominannya secara negatif terhadap pihak lain adalah salah.
5. Oleh itu, walaupun Bernas ada pengecualian dalam melakukan monopoli namun perlu berhati-hati agar tidak menyalah guna kuasa.
6. Dalam hal penguasaan terhadap bahan mentah (padi), Masalah utama adalah harga. Jika pengilang bukan bumiputera dan syarikat 'joint venture' BERNAS berpakat menawarkan harga yang tinggi untuk membeli padi daripada petani, pengilang bumiputera secara tidak langsung dipaksa untuk gulung tikar kerana tidak mampu bersaing harga.

PENGUATKUASAAN / PENCEGAHAN

1. Kerajaan harus ambil tindakan dimana orang yang mempunyai kuasa dominan tidak boleh memberikan harga yang tidak adil.



LAPORAN ISI KANDUNGAN PROGRAM

Forum “Bantu Petani, Perkemas Industri dan Perkasa Ekonomi”



PANEL 3:
Tuan Haji Samad
Bahagian Pendidikan Masyarakat,
SPRM

SABOTAJ EKONOMI

1. SPRM dilihat sebagai badan penguatkuasa yang membanteras rasuah dan salah guna kuasa. Namun ianya tidak akan menyelesaikan masalah rasuah yang berlaku jika mentaliti rakyat masih mahu menerima dan memberi rasuah.
2. Selain rasuah, isu yang lebih membebankan industri sekarang ialah isu pemalsuan dokumen atau 'fraud'.

PENGUATKUASAAN / PENCEGAHAN

1. Kita harus lebih menumpukan kepada pembentukan integriti dan penambahbaikan dalam sistem dan prosedur daripada tindakan penguatkuasaan.
2. Pemain industri harus mengenyepikan kepentingan diri dan dalam usaha memerangi rasuah
3. Dasar dan polisi yang digariskan oleh pihak berwajib tidak terlepas daripada kelemahan pelaksanaan
4. Usaha membanteras rasuah haruslah ditumpukan dari segi pendidikan, perundingan dan urus tadbir.
5. Perlu fahami dasar permasalahan untuk menyelesaikan masalah berkenaan.



LAPORAN ISI KANDUNGAN PROGRAM

Forum "Bantu Petani, Perkemas Industri dan Perkasa Ekonomi"



PANEL 4:

Tuan Hj Zaini

Mantan Presiden Persatuan Pengilang Beras Melayu Malaysia (PPBMM)

SEJARAH PEMBANGUNAN PENGILANG MELAYU

1. Pada zaman Lembaga Padi dan Beras (LPN), tindakan kerajaan membeli padi dari petani melalui pengilang melayu ternyata banyak membantu petani. Modal untuk membeli padi ini disalurkan oleh LPN dan FAMA. Pada zaman LPN, perusahaan pengilang Melayu berkembang pesat dan pengilang Melayu banyak membantu kerajaan terutama ketika berlaku lambakan padi dan beras ketika itu.

BERNAS DAN KEMERUDUMAN PENGILANG MELAYU

1. Sejak tahun 1996 apabila LPN dibubarkan dan diganti dengan BERNAS, jumlah kilang Melayu merosot sehingga tinggal hanya 23 buah dari 196.
2. Ketika BERNAS diswastakan sepenuhnya, skim upah mengisar (SUK) yang diwujudkan LPN untuk kilang bumiputera telah dihapuskan dan hanya tinggal satu, iaitu di Perlis.
3. Bernas telah membuka Bmart pada tahun

- 1996 untuk memasarkan sendiri beras di pasaran runcit. Dan ini menyebabkan kedudukan pemborong Melayu mula hilang.
4. Apabila peniaga cina memulakan 'joint venture' dengan BERNAS pada tahun 2000-an. Bernas menutup terus Bmart dan bermula fasa penguasaan syarikat JV BERNAS terhadap industri padi dan beras. Sekarang terdapat 8 syarikat gergasi JV BERNAS.
5. Pengilang Melayu sebenarnya hanya menguasai 13% sahaja daripada 2.3 juta tan metrik hasil padi Negara setiap tahun. Mengapa syarikat JV BERNAS masih mahu menekan dan menghapuskan kilang-kilang Melayu. Kami berjuang untuk memartabatkan industri padi disamping membantu petani mendapatkan hak mereka. Antaranya, kami mengadakan majlis perundingan dan mencuba untuk mengatasi masalah operator lori (peraih) dengan pemberian insentif dan memperjuangkan kenaikan harga padi untuk petani.
6. Melalui program ST15, pengilang Melayu tidak menafikan bahawa sebenarnya mereka dibantu. Kita dapat jaminan harga untuk bersaing dengan pengilang yang lebih besar dan pengilang bukan melayu. Kalau program ST15 ini tidak dilaksanakan, sudah lama pengilang beras Melayu akan tutup. Namun hal ini dilihat sebagai satu helah kerana perlahan-lahan pengilang Melayu ditekan untuk gulung tikar tetapi dalam masa yang sama BERNAS akan terus menikmati hak menjadi pengimport tunggal beras Negara sebagai balasan timbal balik oleh kerajaan.
7. Apabila syarikat joint venture yang menguasai pemborongan ini wujud. BERNAS tidak lagi menjual beras terus kepada pelesen (peruncit) tetapi sebaliknya BERNAS menjual beras kepada anak syarikat (JV) dan anak syarikat (JV) pula yang akan menjual kepada pelesen. Lanjutan dari aktiviti BERNAS ini, BERNAS dilihat telah dikuasai oleh Syarikat JV mereka sendiri yang dimiliki oleh bukan Melayu. Kini dilihat pengilang Melayu pula bersaing dengan BERNAS bukan lagi bekerjasama.

SESI SOAL JAWAB

Forum “Bantu Petani, Perkemas Industri dan Perkasa Ekonomi”

1. Dalam mencapai 100% SSL, kenapa ia tidak mampu dicapai sejak 1975 dan mengapa sasaran itu sering berubah-ubah seolah-olah tiada kajian terperinci ?

En Shamsuddin:

Terdapat banyak halangan. Tanah sawah terhad. Tidak seperti tanah bukit. Di Semenanjung kawasan sawah padi cuma ada 340 000 hektar. Keluasan kawasan sawah padi makin lama makin kurang atas faktor status tanah ditukar menjadi komersial. Tanah sedia ada sedang cuba dipertahankan disamping usaha untuk penambahan hasil padi yang dapat dikeluarkan untuk setiap satu hektar sawah. Perkara ini akan dipantau melalui KPI yang diletak terhadap agensi yang terbabit. Sasaran yang ditetapkan adalah untuk menanam sebanyak 5 kali dalam 2 tahun untuk keseluruhan kawasan sawah padi. Selain itu, terdapat juga pembangunan jelapang padi yang giat dilaksanakan.

2. Adakah penggunaan padi kebal yang memaksa petani menggunakan racun khas termasuk sebagai monopoli dalam akta persaingan ?

Dr Haniff:

Monopoli tidak salah di bawah akta persaingan. Yang salah guna adalah menggunakan kedudukan yang dominan itu. Undang-undang kita berbeza dengan Indonesia. Sebab Indonesia tidak membenarkan monopoli. Melalui Akta persaingan ia boleh jadi sebagai pedang ataupun perisai. Maksudnya akta ini terpakai untuk membantu industri berkembang. Ia turut terpakai kepada kerajaan. Sebagai contoh, DBKL bertindak untuk memungut cukai, jadi akta ini tidak terpakai. Tetapi kalau DBKL menjalankan aktiviti perniagaan parkir dan bersaing dengan pihak lain, jadi akta ini akan terpakai kepada DBKL tersebut. Pengilang-pengilang bumiputera perlu tahu akta ini, ia boleh digunakan dalam banyak perkara.

3. Jika ada rasuah yang dikenal pasti oleh petani, bagaimana untuk mereka bawa perkara ini kepada pihak atasan?

Tuan Haji Samad:

Melalui “Whistle blower”. “Whistle Blower Act” merupakan Akta perlindungan pengadu bagi melindungi saksi daripada ancaman terhadap tubuh badan fizikal pengadu dan keluarga. Jadi pengadu tidak perlu berasa terancam apabila tampil pada SPRM kerana “Whistle Blower Act” ini melindungi identiti pengadu bukan sahaja dalam kes rasuah malah dalam kes apa sekali pun. Oleh yang demikian, terdapat keperluan untuk setiap orang memahami akta ini.



LAPORAN SESI MEJA BULAT

KUMPULAN 1: POLISI DAN DASAR

Moderator: Encik Mohd Rizal Jaapar

Pencatat : Encik Effuan Aswadi bin Abdul / Cik Nina Sakinah Ahmad Rofaie

A. PROGRAM ST15

Program ST15 masih diperlukan namun:

- SOP perlu diperkemas dan ada penambahbaikan
- Perlu ada mekanisme untuk memantau pemborong yang mendapat ST15.
- Pemberian ST15 hendaklah diberi secara tahunan, bukan secara bulanan seperti yang diamalkan sekarang

B. TAHAP SARA DIRI NEGARA (SSL)

Target 100% SSL akan dikekalkan pada tahun 2020.

- Petani digalakkan membudayakan 'Good Agricultural Practices'(GAP)
- Mengekalkan tanah sawah sedia ada daripada ditukar status

C. PEMERKASAAN INDUSTRI

Peranan MOA dan BERNAS menjalankan tanggungjawab sosial dengan:

- Kilang Melayu yang sedia ada sekarang harus dibantu dan tiada keperluan membina kilang-kilang baru / konsortium
- Membuat persiapan memantapkan rantai beras melalui kawalan benih, mesin pembajak, lori, dan pusat belian
- MOA harus terus mengadakan program untuk anak muda terlibat secara langsung dalam industri padi berikutan cabaran umur petani yang rata-rata berumur 60

tahun.

- Konvensyen untuk anak muda untuk menarik minat menyertai bidang pertanian

D. KAEDAH TANAMAN

Kurangkan penggunaan bahan kimia dan galakkan kaedah tanaman lestari dan pengurusan tanaman bersepadu agar produk lebih selamat dan petani lebih sihat; Kembali semula kepada unsur-unsur semulajadi.

E. BENIH PADI

- Terdapat keperluan untuk mengadakan pangkalan data berpusat bagi mengelak penyalahgunaan benih.
- Benih padi perlu dipelbagaikan. Ini sebagai persediaan sekiranya sesejenis benih padi diserang penyakit/bermasalah, anak benih lain dapat digunakan.
- MARDI mencadangkan benih padi ditukar kepada jenis yang lain setiap 2 musim.

F. BERAS IMPORT

- Tarif beras import perlu dinaikkan
- Terdapat keperluan untuk satu badan yang mengawal secara terperinci kemasukkani beras import
- Di peringkat penguasaan, KASTAM perlu lebih serius menangani penyeludupan.



LAPORAN SESI MEJA BULAT

KUMPULAN 2: PENCEGAHAN, PELAKSANAAN, PENGUATKUASAAN DAN PEMANTAUAN

Moderator: Encik Rohaizad Yaacob

Pencatat : Puan Siti Saudah Nori/ Cik Nur Fatima Attaullah

A. PEMANTAPAN BADAN KAWAL SELIA

- Badan Kawal Selia di mantapkan melalui penambahbaikan dan penguatkuasaan dari peringkat penanaman sehingga ke peringkat pengeluaran dan pengedaran, ini sekaligus turut menangani isu orang tengah (Jihad menangani orang tengah)
- Penubuhan satu Suruhanjaya pusat yang mempunyai akses untuk semua aspek rantai industri.

B. AKTA DAN UNDANG-UNDANG

- Undang-undang industri padi dan beras diperkemas dan diletakkan di bawah satu akta yang di kawal / diselia oleh satu agensi pusat (pemantapan badan kawal selia) bagi tujuan pelaksanaan, pemantauan dan pematuhan (tertakluk kepada akta dan undang-undang tersebut)
- Pengwujudan akta kawal selia padi dan beras yang komprehensif (satu akta yang merangkumi dari peringkat penanaman benih hingga ke pengeluaran

dan pengedaran yang terangkum dan digunakan oleh semua agensi yang berkaitan secara bersepadu)

- SOP yang nyata dan dijelaskan kepada semua pemain industri yang terlibat
- Satu Majlis Konsultasi di wujudkan antara agensi dan pemain industri. Pelantikan berdasarkan undang-undang.

C. SISTEM PENYAMPAIAN KERAJAAN

Sistem penyampaian kerajaan ditambahbaik dengan penglibatan setiap agensi secara menyeluruh dan tidak boleh bergerak secara silo / sendiri

D. PENGUATKUASAAN DAN SABOTAJ EKONOMI

- Penguatkuasaan (kastam) diperkemas dan dikuatkuasakan dengan lebih tegas bagi mengawal kemasukkan beras seludup.
- Membenteras Sabotaj Ekonomi



LAPORAN SESI MEJA BULAT

KUMPULAN 3: RANTAIAN PEMBEKALAN

Moderator: Encik Syaifulzafni Aziz

Pencatat : Cik Siti Azzahra binti Abdul Razly

Cik Nor Irwani Binti Mohd Redzuan

A. PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN BIJI BENIH

- Penambahbaikan benih padi melalui penyelidikan yang menyeluruh
- Para petani perlu mempunyai pengetahuan mendalam berkenaan proses-proses yang terlibat sepanjang penanaman padi agar kualiti dapat dijaga. Kualiti melibatkan kualiti produk dan kualiti pengilangan
- Menghasilkan baka benih yang tidak memerlukan masa yang panjang serta berkualiti sekaligus tidak mudah dijangkiti penyakit.

B. PENANAMAN BENIH

- Polisi dan SOP perlu dilaksanakan secara telus dan bukan untuk mementingkan keuntungan semata.
- Pembahagian kuota penghasilan benih oleh MARDI kepada syarikat bertanggungjawab perlu sama adil terutama sekali kepada bumiputera
- Pemantauan perlu diperketatkan agar amanah yang diberikan kepada pihak terlibat dijalankan secara telus.
- Pelaksanaan penggunaan benih perlu melalui SOP yang digunapakai dan dipantau. Pemantauan yang menyeluruh dapat mengatasi masalah kualiti benih
- Pemberian jenis input yang boleh meningkatkan hasil perlu diteliti semula. Penggunaan baja tambahan yang tidak sesuai merugikan kerajaan dan petani

C. PEMBORONG

- Kerajaan perlu memastikan bahawa bekalan beras benar-benar tidak mencukupi sebelum mengimport beras lain untuk mengelakkan lambakan beras berlaku.
- Polisi berkenaan pembangunan pemborong bumiputera terus dilaksanakan disamping pemantauan yang menyeluruh

D. POLISI DAN MEKANISMA

- Pemutuan sebenar-padi perlu dilaksanakan bersama-sama dengan pihak petani dan pengilang. Aktiviti yang terlibat ialah semasa proses penimbangan, pemotongan dan pemutuan.
- "Stockpile" : MOA sebagai agensi yang perlu bertindak mengawal 'stok pile' Negara sama ada dari segi penyediaan gudang penyimpanan dan menyediakan lebihan beras bagi situasi yang kritikal (ancaman kegawatan / kecemasan / musibah)

E. IMPORT BERAS

- Polisi untuk beras import diteliti semula dengan mengawal kemasukkan beras import melalui peningkatan tariff import.
- Pemantauan Beras import dikawal selia oleh MOA dengan lebih berkesan.

F. PETANI

- Para petani tidak boleh terlalu bergantung kepada pembekal perkhidmatan.
- Kawal selia dilakukan bermula daripada peringkat petani sehingga peruncitan
- Petani memerlukan sistem pengairan yang baik bagi membantu mereka untuk mendapat hasil dengan lebih cepat dan menjimatkan masa.
- Program kesedaran petani amat diperlukan bagi mengubah anjakan paradigma para petani untuk menjadi lebih ke hadapan.



- Benih yang pelbagai kepada petani bagi meningkatkan hasil tanaman.
- Pelaksanaan penanam padi secara ladang kontrak (jelapang). Pembangunan jelapang padi.
- Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) bertindak sebagai agensi bertanggungjawab bagi pembangunan petani bermula dari benih ke peringkat pengeluaran padi.

G. PENGILANG

- Melaksanakan pemutuan sebenar sebagaimana yang diwar-war oleh kerajaan dengan telus.

- Memperkemarkan polisi melalui undang-undang/ akta yang berkaitan kawasan masing-masing iaitu dengan mewujudkan satu peraturan yang terpakai kepada semua supaya padi kawasan berkenaan tidak boleh dibenarkan keluar ke kawasan lain. PPK mainkan peranan dalam pembelian padi dan keutamaan diberikan kepada pengilang tempatan/ bumiputera.
- Kilang-kilang bumiputera dilantik sebagai lokasi penyimpanan 'stok pile' beras negara terutamanya bagi menangani lambakan beras



LAPORAN SESI MEJA BULAT

KUMPULAN 4: PENGGUNA, PETANI DAN BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO)

Moderator: Tuan Hj Jumaat bin Mahamud

Pencatat : Encik Nur Fitri Amir bin Mohamad

A. PROGRAM ST15

Mekanisma terbaik untuk membantu golongan sasaran mendapatkan ST15 tanpa ketirisan;

- Menggunakan sistem belian berkupon.
- Senarai penerima ditentukan berdasarkan senarai nama BRIM atau JKM/Pusat Zakat.
- Untuk mengelakkan pembungkusan semula beras secara tipu oleh pemborong, pengilang perlu membungkus terus beras ST15 dalam bungkusan 10kg di kilang.
- Untuk mengelakkan penipuan, nama kilang dan pemborong di cetak pada bungkusan beras.

B. PERANAN NGO

- Mewujudkan dan memperkasa NGO bagi menjaga kebajikan petani.
- Penerangan oleh NGO berkenaan hak petani.
- Setiap petani seharusnya menganggotai PPK supaya tidak ada yang terlepas daripada mendapatkan subsidi.
- Jumlah PPK di Sabah dan Sarawak masih belum cukup, mesti ditubuhkan dengan lebih meluas.

C. KAEDAH PENANAMAN

Transformasi lanskap industri melalui inovasi, kajian dan kaedah penanaman

- Masanya sudah tiba untuk Malaysia menggunakan teknologi yang lebih organik dan mesra petani seperti kaedah SRI (*system of rice intensify*) yang terbukti dapat mengeluarkan hasil sehingga 15 tan seekar.
- Infrastruktur dan teknologi di kawasan IADA ditingkatkan segera agar menepati kehendak semasa.

D. TAHAP SARA DIRI NEGARA (SSL)

Pengeluaran hasil setiap kawasan yang tidak mencapai sasaran

- Meningkatkan infrastuktur, pengairan dan saliran bagi mencapai sasaran pengeluaran padi sebagaimana yang ditetapkan.
- Kaji semula pakej subsidi agar tidak ada pembaziran dari segi baja dan racun. Sebaliknya tumpukan ke arah pemberian benih percuma sebagai subsidi. Ketika ini benih perlu dibeli dari PPK atau pihak swasta. Hanya ada 9 pengeluar benih padi berlesen yang mengeluarkan benih padi mengikut kuota. Harga sekarang, RM2.80 sekilo.

E. PELABELAN DAN PENGAMPITAN

- Setiap beras yang dibungkus mestilah dilabel sebagai beras tempatan atau import dan mesti ada informasi harga, jenis, tempat asal dan tarikh tuai.
- Untuk itu, kilang mesti diwajibkan ada ISO. Kilang yang tidak mampu mencapai ISO mesti dibantu untuk mencapainya.

F. PETANI

- Petani mesti diwajibkan guna kaedah *MyGap* sebagai kelayakan minimum untuk produk mereka diiktiraf berkualiti.



- Racun yang diguna petani dikawal agar tidak menjejaskan pengguna.

G. AKTA

- Akta baja mesti diwujudkan agar tidak ada pihak yang mengeluarkan baja tiruan atau tidak ikut spesifikasi.
- Pengeluaran beras berpusat untuk tambah jenis variasi dan tambah nilai contohnya seperti pengeluaran jenama khas Beras Bario. Lebih banyak jenis/variati bermakna lebih terlindung dari wabak dan ada unsur tambah nilai. Walaupun SOP sekarang mewajibkan paling kurang 5 variasi padi digunakan tetapi ia tidak diikuti.
- Variasi beras ditanam mengikut zon seperti yang dilakukan secara terhad sekarang iaitu beras wangi MRQ76 dan MRQ74 ditanam di Ledang dan Sik.
- Meneliti semula dasar terhadap pemborong besar. Jika menyalahi

Competition Act, tindakan perlu diambil walaupun ia dilakukan oleh Syarikat JV BERNAS. Sekiranya disabitkan keistimewaannya mesti ditarik balik.

H. EKSPLOTASI PEMBORONG BESAR

- Kempen menghargai beras tempatan melalui media dan pelaksanaan silibus dalam sekolah.

I. TANAH PERTANIAN

- Pejabat Tanah mesti diarahkan oleh kerajaan negeri agar serius mengekalkan status sawah bendang.

J. PEMOTONGAN DAN PEMUTUAN

- Perlu ada pihak yang memantau mutu padi pada setiap musim dengan standard yang disahkan disamping menempatkan pegawai untuk memantau proses timbangan.





RUMUSAN AKHIR :
RESOLUSI
10 RESOLUSI UTAMA

PENAMBAHBAIKAN DASAR

1. Meneruskan Program ST15 melalui penambahbaikan, pelaksanaan dan pemantauan SOP untuk menangani ketirisan.
2. Mengamalkan kaedah penanaman secara semulajadi (mesra alam) dan mengurangkan penggunaan bahan kimia serta menggalakkan kaedah penanaman lestari yang merangkumi pengurusan tanaman bersepadu agar produk lebih selamat dan petani lebih sihat.
3. Sasaran 100% tahap sara diri Negara (SSL) dikekalkan pada tahun 2020. Penambahbaikan pelaksanaan program melalui galakan kepada petani untuk membudayakan Good Agricultural Practices (GAP) selain mengekalkan tanah-tanah sawah sedia ada dan pembukaan lading baru (jika bersesuaian) bagi menambah pengeluaran/ intensiti pengeluaran dan meningkatkan produktiviti.
4. Memantapkan peranan Pertubuhan Peladang kawasan (PPK) bagi menangani isu orang tengah selain turut memantapkan pengawalseliaan petani dari kawalan benih, mesin bajak, lori dan pusat belian.

PEMERKASAAN INDUSTRI

5. Kepelbagaian jenis beras yang dikeluarkan melalui penambahbaikan benih hasil dari penyelidikan yang menyeluruh bagi menghasilkan baka yang berkualiti tinggi.
6. Perkasakan Pengilang Bumiputera dengan memberikan kuota pengampitan secara terus dari kilang dalam pelaksanaan program ST15 di samping dapat mengelakkan ketirisan.

PENGUATKUASAAN YANG BERTERUSAN

7. Polisi beras import diperkemas merangkumi peningkatan tarif import selain daripada memperkemas kaedah penentuan jumlah kuota import. Pengertian import turut perlu diperlu bagi yang melibatkan kawasan/ negeri yang berlainan.
8. Membenters isu sabotaj ekonomi dengan memantapkan undang-undang industri padi dan diletakkan di bawah satu akta yang di kawal / diselia secara komprehensif serta dipantau oleh satu Suruhanjaya pusat bagi tujuan pelaksanaan, pemantauan dan pematuhan (tertakluk kepada akta).


KEBAJIKAN PETANI

9. Perkasakan industri melalui penglibatan pihak berwajib, kilang dan petani semasa proses penimbangan, pemutuan dan pemotongan.
10. Eksploitasi terhadap petani dalam apa jua bentuk mesti dibenters dengan mewujudkan dan memperkasakan NGO bagi menjaga kebajikan petani.



LAMPIRAN

CARTA ALIR RANTAIAN BEKALAN



FAKTA



**Kedudukan
Petani**



**Anggaran Pendapatan Bersih
Serelung Petani di Kawasan Sanglang**

$\frac{400\,000 \text{ rakyat}}{30.2 \text{ juta Rakyat Malaysia}} = 1.3\%$ Isi Rumah
**Keluarga
Petani**

95% Petani = **Melayu
Bumiputera**

60 tahun
(Purata Umur)

Masih **Miskin**

Trektor untuk
Gembur, Badai
dan Tuai

RM1,200.00

9 kampil biji benih
(Sekampil RM100)

RM900.00

Upah tabur
(Serelung RM17)

RM80.75

Upah racun (3 kali)
(Serelung RM17)

RM242.25

Racun Cap Cina.
Serelung RM6, petani beli
untuk kegunaan 4 relong

RM24.00

Upah Baja. Sekampil RM17.
Untuk 4.75 relong guna
15 kampil (Baja subsidi)

RM255.00

Komisyen lori (Orang
Tengah).
RM50 per tan padi-untuk
4.5 Tan padi

RM325.00

**Racun
Kali Pertama**

Untuk Siput Godang Emas
(racun haram cap cina
- petani tiada pilihan)

**Racun
Kali Kedua**

Untuk padi kebal (racun dibeli
sekali dengan benih padi)

**Racun
Kali Ketiga**

Untuk serangga atau
rumpai
(racun subsidi)

Untuk 4.75 relong. Hasil padi adalah
6.5 Tan (siap tolak 20% berat untuk pemutuan sebenar)

Harga padi ditetapkan kepada RM1200/tan

JUMLAH HASIL **RM7,800.00**

**Pendapatan Bersih
Semusim (1.4 hektar)** **RM4,773.00**

RM1,004.84

Kedudukan Usahawan Melayu

- i Pada awal penubuhannya, Persatuan Pengilang Beras Melayu Malaysia (PPBMM) mempunyai bilangan ahli berjumlah 110 buah kilang. Pada tahun 2014, jumlah itu telah **mengurangkan dengan mendadak kepada hanya 23 buah**
- ii Bernas diberi hak/kuasa untuk sediakan stok pile negara sebanyak **292,000 metrik tan**
- iii Penguasaan Industri Pengilangan

Kilang Beras Bernas
Kilang Melayu

30%

Kilang JV Bernas
Kilang Swasta


70%

Kedudukan Semasa Industri

- i Industri beras di Malaysia bernilai **RM7 billion**, yang di mana **43%** adalah daripada pengimportan.


Jumlah Import dan Pengeluaran

100% = 2.689 matrik tan




Jumlah Import dan Pengeluaran

100% = RM6.75 billion



Penggunaan

100% = 2.253 matrik tan



Kedudukan Negara



1

Kerajaan memperuntuk RM 2.2 bil subsidi setiap tahun untuk industri padi dan beras (9 jenis subsidi meliputi setiap rantaian).

Kualiti & Kuantiti (tanah Sawah Cuma 10% daripada tanah pertanian). Kuantiti berbeza mengikut kawasan
Kawasan optimum : IADA Barat Laut Selangor
Kawasan Minimum : IADA Kemudu (KADA)

2

3

Kepadatan Infra Pengairan

Dasar Keselamatan Makanan Negara - pengeluaran sawah di dalam negara hanya cukup untuk membekalkan 70% daripada keperluan tempatan.

4

5

Kebergantungan kepada beras impot – 30% beras adalah dari luar.



Terdedah kepada harga beras dunia- 2007/2008 : krisis makanan global dengan harga beras meningkat mendadak.

6

Mengikut FOA pengeluaran beras dunia pada 2012 adalah sebanyak 725 juta tan metrik dengan peningkatan sebanyak 10 juta tan metrik setahun. Negara pengeluar beras utama dunia adalah China (28%), India (22%), Indonesia (9%), Bangladesh (7%), Vietnam (6%), Myanmar (5%), Thailand (5%) diikuti Filipina, Brazil, Jepun dan lain-lain (19%).

7

Purata penanaman padi di Malaysia masih lagi rendah berbanding negara lain.

8

Purata saiz jelapang masih lagi kecil dan ini ternyata memberi kesan kepada pendapatan petani.

9

Adakah Sasaran 2020 Realistik?



Kadar purata pengeluaran perlu ditingkatkan daripada 3.9 kepada 6.3 mt/hk



Kadar kecekapan padi-beras perlu ditingkatkan sebanyak 64%



Tambahan pengeluaran padi sebanyak 8.6% setahun



Hasil beras per kapita: 80kg kepada 129kg (kita pernah capai 176kg)



Buka 400,000 hk tanah baru



Adakah Nasib 200 ribu petani akan berubah?



Tahap sara diri 100% menjelang 2020, ETP sasar 85% - perlu 4.2 juta tan padi

2014 : Kerajaan Melancarkan kempen: "Jihad Memerangi Orang Tengah"

Jenis-Jenis Bantuan, Subsidi Dan Insentif Dalam Industri Padi Dan Beras

Skim baja padi Kerajaan Persekutuan

240kg/hektar baja sebatian (12 beg @ 20kg/beg) dan

80kg/hektar baja urea (4beg @ 20kg/beg)



Skim subsidi harga padi

RM248.10 /MT



Insentif Pengeluaran padi

- Baja tambahan
- Bantuan upah bajak

RM140/ha/musim (maksimum)

RM100/ha/musim (maksimum)



Insentif peningkatan hasil

RM650/MT (setiap tan kenaikan)



Baja tambahan NPK

3 beg @ 50 kg setiap beg/ha



Bantuan kawalan makhluk perosak

RM200 /ha/musim



Kapur

RM850/ha (diberi 3 tahun sekali)



Subsidi beras pengilang

Semenanjung : RM750/MT

Sabah&Sarawak: RM600/MT

(Galakkan agar kilang mengeluarkan beras ST15)



Subsidi beras Sabah & Sarawak



Perbezaan antara kos pembelian beras import dengan harga jualan borong

PERMASALAHAN

Permasalahan 1: Penindasan Terhadap Petani

Isu peningkatan kos sewaan jentera dan logistik yang tidak terkawal

Isu penularan makhluk perosak asing dan padi angin

Isu bekalan racun dan baja subsidi tidak berkualiti dan salah guna racun dan baja subsidi oleh petani

Isu monopoli syarikat racun dan penggunaan racun merbahaya oleh petani tanpa pilihan alternatif

Isu pengairan dan saliran yang tidak efisien

Isu ancaman kesihatan

Isu belengu kemiskinan dan tiada peningkatan taraf hidup petani

Isu Kualiti tanah

Isu kekurangan pertanian komersial antara petani



Permasalahan 2: Kawalan Longgar Terhadap Aktiviti Peraih

Isu dakwaan berlaku penipuan sewaktu proses menimbang

Isu peraih menjerat petani dengan hutang modal untuk mengusahakan sawah

Petani terlalu bergantung kepada peraih dan tidak boleh menjual sendiri hasil kepada kilang



Permasalahan 3: Monopoli/diskriminasi BERNAS terhadap kilang Melayu

Perjanjian yang menyekat produktiviti kilang

Kurang inisiatif bagi penambahbaikan keupayaan kilang Melayu

Kelewatan proses antara kilang dan pihak BERNAS

JV BERNAS membeli padi pada harga yang tinggi memberi masalah kepada pengilang kecil

Masalah pembukaan pusat belian

Masalah monopoli pasaran jualan beras



Permasalahan 4: Kemasukan beras import melebihi keperluan negara sama ada secara sah mahupun penyeludupan terancang.

Jumlah import BERNAS meningkat

Dakwaan terdapatnya aktiviti penyeludupan terancang secara besar-besaran yang turut melibatkan pemborong beras

Masalah lambakan beras kerana kemasukan beras import melebihi had yang dibenarkan iaitu 30%

Permasalahan 5: Tanggungjawab sosial yang tidak terlaksana

Petani terdedah kepada pengeksploitan dan taraf hidup tidak meningkat

Jumlah pengilang bumiputera terus merosot kerana ditekan untuk gulung tikar

Dakwaan berlaku penyelewengan subsidi dan salah guna kuasa di pelbagai peringkat industri

Import beras tidak terkawal



Permasalahan 6: Sektor Jaminan Keselamatan Makanan Negara: Jaminan Bekalan Makanan (Food Security) dan Kedaulatan Makanan (Food Sovereignty) terjejas.

Tahap sara diri 100% bagi beras tidak dapat dicapai

Negara terdedah kepada ancaman kedaulatan makanan



GALERI GAMBAR







Sekalung Penghargaan

Pihak Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM) ingin merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada semua yang menjayakan program ini terutamanya kepada :-

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA)

serta para peserta yang terlibat:

PERASMIAN DAN UCAPTAMA		
NO	NAMA	ORGANISASI
1	YBHG DATO' SERI HJ MOHD SHUKRI BIN ABDULL	SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM)
AHLI PANEL DAN MODERATOR		
1	EN SHAMSUDDIN ISMAIL	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (BAHAGIAN KAWAL SELIA)
2	DR HANIF AHAMAT	UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA (UIA)
3	TUAN HJ SAMAD MAT KASA	SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM)
4	TN HJ MOHD ZAINI B AHMAD	PERSATUAN PENGILANG BERAS MELAYU MALAYSIA (PPBMM)
5	EN ROHAIZAD YAACOB	SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM)
6	EN SYAIFULZAFNI AZIZ	IDRIS INSTITUTE
7	TN HJ JUMAAT BIN MAHAMUD	PERSATUAN PENGILANG BERAS MELAYU MALAYSIA (PPBMM)
8	EN MOHD RIZAL JAAPAR	MAJLIS TINDAKAN EKONOMI MELAYU (MTEM)
9	EN NURFITRI AMIR BIN MOHAMAD	PENYELIDIK DAN AKTIVIS
PARA PESERTA DAN SEKRETARIAT		
AGENSI KERAJAAN		
1	PUAN ALITA BINTI NOU	UNIT PERANCANG EKONOMI, JABATAN PERDANA MENTERI (UPE, JPM)
2	EN WAN ABDUL HADI	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (BAHAGIAN KAWAL SELIA)
3	EN ABDUL RAHIM RASHID	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (BAHAGIAN KAWAL SELIA)

4	PN FAIRIN HUDA BTE FAIVDULLAH	BAHAGIAN INTEGRITI DAN TADBIR URUS, JABATAN PERDANA MENTERI (NKRA)
5	CIK RAHIL BINTI ABU BAKAR	BAHAGIAN INTEGRITI DAN TADBIR URUS, JABATAN PERDANA MENTERI (NKRA)
6	HJ AHMAD ARIFF B HJ MAHIDIN	SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM)
7	PN JUNIPAH WANRI	SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM)
8	DR MOHAMAD YUSOFF AKOLK	SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM)
9	PN NOR FAEMAH ISMAIL	SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM)
10	EN AZMAN BIN ABDULLAH	JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA (KASTAM)
11	EN MOHAMAD RAMDZAN	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
12	EN OTHMAN OMAR	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
13	EN KAMARUDIN DAHULI	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
14	EN SHOKSI B. CHE NOR	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
15	EN ELIYAS BIN SAAD	KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA) BARAT LAUT SELANGOR
16	EN HASAMAN BIN SIMBON	KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA) BARAT LAUT SELANGOR
17	EN ZAHIMI B HASSAN	KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA) KERIAN
18	EN ZULKEFLY B HARUN	KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA) KETARA
19	EN MOHD YUSOFF BIN SADI SUTAH	KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA) PEKAN, PAHANG
20	EN ABDUL AZIZUL RAHIM BIN BADARUSSHAM	KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA) SEBERANG PERAK
21	EN BAHARUSNI BIN ABDULLAH	KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA) SEBERANG PERAK
22	EN MOHD NASER BIN HARUN	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
23	EN MOHD KHALIB BIN MUKHTAR	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
24	EN SHAHZUNIZAM ZULKIFLI	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)

NGO DAN PEMAIN INDUSTRI

1	EN SALMAN MUHAMMAD	PADIBERAS NASIONAL BERHAD (BERNAS)
2	EN MUHAMMAD KASUMA SAID	PADIBERAS NASIONAL BERHAD (BERNAS)
3	DR ANNI MITIN	GABUNGAN PERSATUAN-PERSATUAN PENGGUNA-PENGGUNA MALAYSIA (FOMCA)
4	EN AMINUDDIN MOHAMAD	KELAB USAHAWAN TANI MALAYSIA (KUAT)
5	EN ZAHARI ABU YAZID	KELAB USAHAWAN TANI MALAYSIA (KUAT)
6	EN MD NOR BIN HAMZAH	KELAB USAHAWAN TANI MALAYSIA (KUAT)
7	EN MUSONNEF BIN MD RADZI	PERSATUAN PENGILANG BERAS MELAYU MALAYSIA (PPBMM)
8	HJ MOHD BADROLDIN B HJ MOHD REJAB	PERSATUAN PENGILANG BERAS MELAYU MALAYSIA (PPBMM)
9	EN MOHD REDZUAN B AHMAD	PERSATUAN PENGILANG BERAS MELAYU MALAYSIA (PPBMM)
10	EN MOHD ROESTAM B HJ SHABANI	PERSATUAN PENGILANG BERAS MELAYU MALAYSIA (PPBMM)
11	EN NOR EFENDI BIN ABDUL MANAF	PERSATUAN PENGILANG BERAS MELAYU MALAYSIA (PPBMM)
12	EN MARDZI B ABIDIN	PERSATUAN PENGILANG BERAS MELAYU MALAYSIA (PPBMM)
13	EN MUJAHID BIN CHE HAMID	PERSATUAN PENGILANG BERAS MELAYU MALAYSIA (PPBMM)

14	EN MOHAMAD TERMIZI B YOP	PERSATUAN PENGILANG BERAS MELAYU MALAYSIA (PPBMM)
15	EN GHAZAN ABDULLAH	PERSATUAN PENGILANG BERAS MELAYU MALAYSIA (PPBMM)
16	TUAN HAJI LOKMAN MOHAMAD	PERSATUAN PENGUSAHA KAYU KAYAN DAN PERABOT BUMI-PUTERA MALAYSIA
17	EN ROSLEE BIN KARTAWI	PERSATUAN REMISIER BUMIPUTERA MALAYSIA (PRIBUMI)
18	PN MAGESWARI SANGARALINGAM	PERSATUAN PENGGUNA PULAU PINANG (CAP)


AKADEMIK

1	EN MOHD HAASBULLAH MOHAMAD FAUDZI	UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA (UIA)
2	DR KAMAL AB HAMID	UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
3	EN MOHD EFFUAN ASWADI BIN ABDUL WAHAB	IDRIS INSTITUTE
4	CIK NINA SAKINAH AHMAD ROFAIE	IDRIS INSTITUTE
5	CIK NUR FATIMA ATTAULLAH	IDRIS INSTITUTE

SEKRETARIAT

1	EN AZRILNIZAM BIN OMAR	MAJLIS TINDAKAN EKONOMI MELAYU (MTEM)
2	PN SITI SAUDAH NORI	MAJLIS TINDAKAN EKONOMI MELAYU (MTEM)
3	EN HASIF SYAZWAN BIN RUMLI	MAJLIS TINDAKAN EKONOMI MELAYU (MTEM)
4	CIK SITI AZZAHRA BINTI ABDUL RAZLY	MAJLIS TINDAKAN EKONOMI MELAYU (MTEM)
5	PN SITI NADZIRAH BINTI ABDULLAH	MAJLIS TINDAKAN EKONOMI MELAYU (MTEM)
6	CIK SITI NUR HAZIEYAH BINTI NOR RAMZI	MAJLIS TINDAKAN EKONOMI MELAYU (MTEM)
7	PN AZRINA ABDUL KARIM	MAJLIS TINDAKAN EKONOMI MELAYU (MTEM)
8	EN MOHD RIDZUAN BIN YUSOF	MAJLIS TINDAKAN EKONOMI MELAYU (MTEM)
9	EN AZIZI BIN JAAPAR	MAJLIS TINDAKAN EKONOMI MELAYU (MTEM)
10	EN AHMAD WAI'EDIN BIN JAMALUDDIN	MAJLIS TINDAKAN EKONOMI MELAYU (MTEM)
11	CIK NOR IRWANI BINTI MOHD REDZUAN	MAJLIS TINDAKAN EKONOMI MELAYU (MTEM)
12	EN MOHD HAZIQ BIN ASHRI	MAJLIS TINDAKAN EKONOMI MELAYU (MTEM)
13	PN ZUZANA BINTI MOHD JIDIN	MAJLIS TINDAKAN EKONOMI MELAYU (MTEM)

juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung didalam menjayakan SIDANG MEJA BULAT INDUSTRI PADI DAN BERAS NEGARA.





Perhubungan:
Bahagian Perniagaan & Pembangunan Industri
Majlis Tindakan Ekonomi Melayu Bersatu Berhad (MTEM)
No.24, Jalan Telawi 9, Bangsar
59100 Kuala Lumpur
No. Tel: +603-2284 6670
Faks: +603-2284 6671
Website : www.mtem.my
Facebook : [MajlisTindakanEkonomiMelayu](https://www.facebook.com/MajlisTindakanEkonomiMelayu)
Twitter: [@mtembb](https://twitter.com/mtembb)

ISBN 9789671279526

